

11/10/1997

Lompat untuk perkukuh BN: Adib

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Jumaat - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nabawan, Datuk Adib Sigoh, yang 'melompat' daripada parti Umno ke Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), hari ini, menjelaskan tindakannya itu sebagai satu strategi untuk memantapkan lagi kedudukan Barisan Nasional (BN) di negeri ini khususnya di Bahagian Pedalaman.

Beliau berkata, tindakan itu tidak akan menjejaskan BN kerana ia bertujuan membawa masuk penyokongnya terutama yang masih menjadi ahli parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS), menyertai BN beramai-ramai.

Adib mendakwa penyokongnya dalam PBS berjumlah lebih 3,000 orang, enggan masuk ke dalam parti lain kecuali mendesaknya membawa mereka menyertai PBRs.

"Ini kerana budaya Umno mungkin tidak sesuai dengan kebudayaan suku kaum Kadazan dan Murut di Bahagian Pedalaman.

"Oleh itu, saya berharap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak tersinggung dengan tindakan ini, kerana saya fikir ia untuk kebaikan bagi menyatupadukan kaum Kadazan dan Murut di Pedalaman terutama di Kemabong, Tenom dan Pensiangan," katanya.

Menurutnya, beliau akan kembali ke kawasanya dalam tempoh terdekat ini untuk bersama bekas ahli dan penyokongnya dalam PBS menyertai PBRs secara beramai-ramai.

"Saya sebenarnya masih berada dalam satu rumah, cuma berpindah bilik sahaja," katanya selepas menyerahkan borang permohonan kepada Ketua Bahagian PBRs Pensiangan, Ellron Alfred Angin di pejabat PBRs di sini, hari ini.

Hadir sama Presiden PBRs, Datuk Seri Panglima Joseph Kurup dan Setiausaha Agungnya, Datuk James Vitales.

Sebelum menyertai Umno sejurus selepas BN mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri pada 1994, Adib adalah ahli Majlis Tertinggi PBS sejak parti itu ditubuhkan pada 1985.

Ketika pemerintahan kerajaan PBS, beliau pernah memegang jawatan Menteri Perkhidmatan Sosial Negeri. Ketika dalam Umno, Adib adalah ahli biasa Umno Cawangan Nabawan bagi bahagian Keningau.

Adib berkata, peletakan keahlian dalam Umno sudah diserahkan kepada Setiausaha Agung parti, Datuk Sabbaruddin Chik serta jawatankuasa bahagian Keningau, semalam.

Sementara itu, Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, pihaknya belum membuat keputusan mengenai permohonan itu kerana ia perlu dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi PBRs, beberapa hari lagi.

(END)